

KISAH INSPIRASI EMPAT WANITA

Cacat dan barah tidak halang ibu tunggal buka sekolah jahit



YAKIN DIRI: Pemilik sekolah menjahit, Astitchworks Concepts, Cik Jumiah, cekal menghadapi cabaran hidup. - Foto TUKIMAN WARJI

8 Mar 2015

Berita Harian

PERCAYA akan kebolehan diri sendiri.

Inilah yang menjadi pegangan Cik Jumiah Ujud, yang dilahirkan dengan kecacatan fizikal yang menghambat pergerakan dan percakapannya, untuk menjadi seorang usahawan.

Cik Jumiah adalah pemilik sekolah menjahit, Astitchworks Concepts, yang bertempat di 20 Joo Chiat Road.

Walaupun terpaksa menempuhi pelbagai cabaran dalam perjalanannya menjadi seorang usahawan, beliau tidak putus asa dan cekal menghadapi cabaran hidup.

Cik Jumiah, 55 tahun, mempelajari pentingnya semangat tidak mudah luntur sejak awal lagi.

Sebagai seorang ibu tunggal dua anak, beliau mengambil dua pekerjaan bagi menampung kehidupan keluarga dan membayar bil hospitalnya sebagai seorang pesakit barah paru-paru.

Cik Jumiah menerima tempahan menjahit sebagai wang tambahan bagi keluarganya.

"Arwah ibu adalah inspirasi saya. Beliau adalah suri rumah dan tidak tahu menulis atau membaca namun beliau ada kelebihan memasak dan menjahit.

"Semasa saya di sekolah rendah, saya lihat arwah ibu bersengkang mata menjahit menolong arwah ayah sebagai pencari nafkah tunggal keluarga.

"Saya merupakan anak keenam dalam keluarga sembilan anak. Dari situ, terputik niat membantu keluarga dan belajar menjahit.

"Melihat kebolehan saya menjahit, arwah ibu akan menggalak saya mengikuti kelas menjahit semasa cuti sekolah demi mempertingkatkan lagi kemahiran saya.

"Saya teruskan menjahit walaupun bertugas sepenuh masa kemudian kerana tidak mahu lupakan kemahiran ini," jelas Cik Jumiah.

Semasa krisis ekonomi melanda pada 2008, beliau dibuang kerja sebagai pembantu peribadi dan menghadapi kesukaran mendapat kerja baru.

"Mungkin kerana usia dan sejarah penyakit yang membuat saya terpaksa mengambil cuti sakit, saya tidak dapat kerja baru," ujar Cik Jumiah.

Beliau kemudian menyertai Program Perniagaan Mikro Angkatan Karyawan Islam (AMP) pada 2009.

Selepas selesai program itu, beliau memanfaatkan geran yang diterima untuk mendapat sijil daripada Textile and Fashion Industry Training Centre.

"Saya belajar lebih lanjut bagaimana memasarkan perniagaan saya.

"Dari situ, saya mula membina perniagaan dengan tekun. Saya bermula dari rumah pada 2010 sehinggalah ada sekolah menjahit ini.

"Saya ingin pelajar mengembangkan minat dan kebolehan mereka bersama kami," kata Cik Jumiah yang kini mempunyai tiga pekerja - seorang jurulatih sepenuh masa dan dua lagi jurulatih sambilan.

Dengan kejayaan yang diraihinya, kini Cik Jumiah menyumbang semula kepada masyarakat melalui perkongsian pengalaman dan peluang menyelami dunia perniagaan.

Tahun lalu, beliau mula menerima peserta Program Perniagaan Mikro AMP sebagai 'intern' di sekolah menjahitnya dan membimbing mereka selok-belok perniagaan.

Cik Jumiah turut membantu mempromosikan perniagaan pelajarnya seperti tempahan baju di sekolah menjahitnya.

"Saya pernah lalui kesusahan, jadi saya tahu betapa payahnya. Mana yang dapat saya tolong, saya hulurkan bantuan. Jangan pentingkan diri sendiri dan tolong orang juga. Saya percaya dalam apa pun kesulitan, mesti ada jalan. Yang penting kita berusaha dan jangan putus asa," ujar Cik Jumiah.